

28 AUG 2003

Merdeka-Lim/I

MALAYSIA PERLU PUPUK PEMIMPIN GENERASI BARU, KATA KENG YAIK

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Malaysia perlu memupuk pemimpin generasi baru bagi memastikan negara terus menikmati keamanan dan kemajuan, kata Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini.

Dalam perutusan sempena Hari Kebangsaan, beliau berkata 2003 merupakan tahun penting dalam politik negara apabila kepimpinan baru akan mengambil alih dan generasi baru muncul untuk mendokong peranan membina negara.

Katanya pemimpin generasi baru akan meneruskan usaha membina sebuah negara yang maju, aman dan bersatu padu atas asas yang dibina oleh pimpinan terdahulu.

Dr Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama, berkata Hari Kebangsaan tahun ini adalah berbeza kerana ianya akan menyaksikan berlakunya perubahan bersejarah di dalam dan luar negara.

"Di Malaysia, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang memimpin negara ke arah pemodenan sejak 22 tahun lepas, akan berundur dengan diambil alih oleh timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memimpin rakyat Malaysia," katanya.

"Ketika menyambut Hari Kebangsaan, kita pada masa sama, perlu bersedia untuk berpisah dengan Dr Mahathir dan menanti arah baru di bawah pimpinan Abdullah.

"Pada masa menyiapkan diri untuk perpisahan dengan Dr Mahathir, menjadi kelaziman untuk kita mengimbas kembali laluan yang dilakarkan oleh Dr Mahathir untuk kita sejak 22 tahun lepas," katanya.

Dr Lim berkata keganasan antarabangsa telah mengakibatkan peningkatan kematian orang yang tidak berdosa di samping adanya sifat benci yang mendalam di kalangan manusia.

Katanya kemerdekaan juga bererti bahawa manusia yang menikmatinya perlu menentukan nasib dan wawasan untuk maju.

"Dalam hal ini, Dr Mahathir telah menyediakan Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan rakyatnya tidak lagi dikenali dengan bangsa tetapi sebuah masyarakat yang tinggal secara aman, adil, progresif, maju dan penyayang dan bangga menjadi sebagai Bangsa Malaysia," katanya.

Dr Lim juga menggesa golongan muda negara ini meneruskan usaha membina negara bagi mencapai sasaran Wawasan 2020.

-- BERNAMA

AT KHY DC MAI